

TARIKH	SELASA, 4 JANUARI 2022
AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK ARTIKEL	ROMBAK KABINET MINGGU DEPAN?
M/S	1 & 2
BIDANG	CIVIL SERVICES
KATA KUNCI	CIVIL SERVICES

- Menteri didakwa gagal urus banjir
- Azmin dinamakan TPM

Rombak Kabinet minggu depan?

Oleh **ASLINDA NASIR**
aslinda.nasir@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Setelah hampir lima bulan menerajui kerajaan Keluarga Malaysia, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dijangka melakukan rombakan Kabinet dan melantik Timbalan Perdana Menteri minggu hadapan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, sumber berkata, kebanyakan menteri dan timbalan menteri sudah mengetahui perkara tersebut.

Bagaimanapun, sumber itu memberitahu, rombakan itu masih dalam proses 'tawar-menawar' untuk memutuskan siapa kekal, siapa ganti atau siapa digugurkan.

"Minggu hadapan, belum diputuskan hari apa, tetapi secara kebiasaan akan dibuat pada hari Rabu selepas mesyuarat Kabinet yang diadakan setiap minggu.

"Kalau mengikut jadual, Per-

dana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri pergi berjumpa dengan Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini untuk membincangkan mengenai perkara ini, khususnya membabitkan menteri dan timbalan dalam kalangan parti Bersatu," kata sumber ketika dihubungi semalam.

Setakat semalam, sumber itu memaklumkan, antara nama menteri yang disebut-sebut bakal terlibat ialah Menteri Pembangunan Keluarga, Wanita dan Masyarakat, Datuk Seri Rina Harun dan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu.

Sebelum ini, nama Rina tular di media sosial dan mendapat banyak kritikan susulan beliau yang melawat mangsa banjir memakai kasut tumit tinggi dan membersihkan najis ugas di sebuah sekolah yang dijadikan pusat penempatan sementara (PPS).

Bersambung di muka 2

Rombak Kabinet minggu depan?

Dari muka 1

Ahmad Faizal pula terpalit isu pelancaran penubuhan skuad sukarelawan pasca banjir di bawah kementeriannya yang dikecam netizen, namun situasi sebenar perkara itu sudah dijelaskan menteri berkenaan.

Bagaimanapun, sumber tersebut memberitahu, kedudukan Ahmad Faizal masih di peringkat 'tawar-menawar' bagi mendapatkan kerusi Timbalan Perdana Menteri untuk parti Bersatu.

"Itu masih dalam proses, kedudukan Ahmad Faizal sedang dirunding sebab beliau adalah Timbalan Presiden Bersatu, bermakna orang kedua tertinggi dalam parti selepas Muhyiddin yang memegang kuasa dalam Kabinet.

"Tetapi jika kerusi Timbalan Perdana Menteri diberi kepada Bersatu, Ahmad Faizal digugurkan," kata sumber itu.

Sebagai timbal-balik, menurut sumber, portfolio Menteri Belia dan Sukan akan diisi Ketua Penerangan UMNO, Shahril Sufian Hamdan.

"Ini bermakna akan mengimbangi semula jumlah menteri UMNO dan Bersatu dalam Kabinet Ismail Sabri," katanya.

Difahamkan, bagi jawatan Timbalan Perdana Menteri, dua pemimpin Bersatu yang didakwa dalam pertimbangan ialah Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan Datuk Seri Hamzah Zainuddin.

"Tetapi Muhyiddin dikatakan cenderung untuk memilih Azmin berbanding Hamzah.



Itu masih dalam proses, kedudukan Ahmad Faizal sedang dirunding sebab beliau adalah Timbalan Presiden Bersatu, bermakna orang kedua tertinggi dalam parti selepas Muhyiddin yang memegang kuasa dalam Kabinet."

Jika kita sewaktu pemerintahan Muhyiddin sebagai Perdana Menteri, beliau memberikan kepercayaan kepada Azmin untuk memangku tugas Perdana Menteri sewaktu ketiadaan beliau," kata sumber itu.

Selain itu, ada juga khabar angin menyebut Menteri Perpaduan, Datuk Halimah Mohamed Sadique dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-Tugas Khas), Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad turut bakal terlibat dalam rombakan.








Halimah terpalit dengan isu agihan peruntukan Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (Mitra) manakala Abd. Latiff Ahmad berhubung peranannya dalam bencana banjir.

Bulan lalu, Ismail Sabri memaklumkan prestasi keseluruhan 100 hari ahli Jemaah

KABINET ISMAIL SABRI

(31 menteri, 38 timbalan menteri)

Jumlah menteri ikut parti

• UMNO		10
• Bersatu		10
• Pas		3
• PBS		1
• GPS		4
• MCA		1
• MIC		1
• Senator		1
TOTAL		31

Menteri mencapai 90 peratus daripada sasaran ditetapkan.

Prestasi itu diukur berdasarkan Perkhidmatan Teras Kementerian (50%), Penilaian Prestasi Menteri (25%) dan Persepsi Awam (25%) terhadap Menteri dan Kementerian.

DISEDIAKAN OLEH

1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM

2-M.HAFIDZUDIN (S19), BPM

UNIT PERPUSTAKAAN, BPM